



PERATURAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

FASAL 1: PERIHAL PERATURAN TETAP PEMUDA PARTI

- 1.1 Peraturan Tetap ini diadakan dengan kuasa Majlis Pimpinan Tertinggi seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 19.1 Perlembagaan Parti.
- 1.2 Untuk tujuan Peraturan Tetap ini dan penggunaan harian, “Pemuda” seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 19 Perlembagaan Parti adalah dikenali sebagai “Angkatan Muda Keadilan”.
- 1.3 “Angkatan Muda Keadilan Malaysia” adalah Pemuda peringkat nasional seperti dalam Perkara 19.2 Perlembagaan Parti. Pada peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan, dikenali sebagai “Angkatan Muda Keadilan Negeri”; dan pada peringkat Bahagian dikenali sebagai “Angkatan Muda Keadilan Bahagian”.
- 1.4 “Parti” adalah merujuk kepada Parti Keadilan Rakyat. “Perlembagaan Parti” adalah Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat. “Majlis Pimpinan Tertinggi” atau “MPT” merujuk kepada Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Keadilan Rakyat. “Peraturan Tetap Angkatan Muda Keadilan” dan “Peraturan Tetap ini” merujuk kepada Peraturan Tetap Angkatan Muda Parti Keadilan Rakyat yang diadakan mengikut Perkara 19.1 Perlembagaan Parti.
- 1.5 “Ahli Biasa” atau “Ahli Parti” adalah Ahli Parti Keadilan Rakyat. “Ahli Angkatan Muda Keadilan” merujuk kepada Ahli Angkatan Muda Keadilan seperti yang diperuntukkan oleh Fasal 5 Peraturan Tetap ini.
- 1.6 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia di peringkat nasional adalah seperti diperuntukkan oleh Perkara 19.3 Perlembagaan Parti dan merupakan badan tertinggi untuk mentadbir keseluruhan Angkatan Muda Keadilan.
- 1.7 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah badan tertinggi Angkatan Muda Keadilan di sesebuah Negeri atau Wilayah Persekutuan.
- 1.8 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah badan tertinggi Angkatan Muda Keadilan di sesebuah Bahagian Parti.

FASAL 2: IBU PEJABAT DAN ALAMAT

- 2.1 Ibu Pejabat Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah di No 75A, Jalan Lawan Pedang 13/27, Tadisma Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Atau mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia dengan mendapat persetujuan MPT.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

FASAL 3: DASAR PERJUANGAN ANKATAN MUDA KEADILAN MALAYSIA

3.1 Menjadi barisan hadapan Parti dalam memperjuangkan Tujuan dan Matlamat Perjuangan Parti seperti diperuntukkan dalam Fasal 5 Perlembagaan Parti.

FASAL 4: BENDERA, LAMBANG, COGANKATA DAN PAKAIAN

- 4.1 Bendera dan lambang Angkatan Muda Keadilan adalah sama seperti bendera dan lambang Parti yang diperuntukkan dalam Fasal 4 Perlembagaan Parti.
- 4.2 Cogankata Angkatan Muda Keadilan adalah “REFORMASI”.
- 4.3 Ahli Angkatan Muda Keadilan bebas memakai sebarang bentuk pakaian dalam program rasmi asalkan ia kemas dan sopan.

FASAL 5: KEAHLIAN

5.1 Keahlian Angkatan Muda Keadilan adalah terbuka kepada semua ahli parti, lelaki dan wanita, yang berusia tidak lebih empat puluh (40) tahun pada 1 Januari tahun tersebut.

FASAL 6: HAK, KEWAJIPAN DAN LARANGAN AHLI

6.1 Hak seseorang ahli Angkatan Muda Keadilan

- 6.1.1 Tertakluk kepada peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan di dalam Peraturan Tetap ini dan Pelembagaan Parti, seorang ahli Angkatan Muda Keadilan berhak bersuara, mengundi dan diundi, memilih dan dipilih atau dilantik untuk sebarang jawatan dalam Angkatan Muda Keadilan.
- 6.1.2 Boleh terlibat dalam pilihanraya atau dipilih oleh MPT sebagai calon untuk mewakili Parti dalam mana-mana pilihanraya.
- 6.1.3 Seseorang ahli yang tidak menjelaskan yuran akan hilang hak yang diperuntukkan dalam perkara 6.1.1 bagi tahun tersebut.
- 6.1.4 Seseorang ahli yang digantung keahlian atau dipecat akan hilang hak dalam perkara 6.1.1 dan 6.1.2 sehingga keahliannya dipulihkan.

6.2 Kewajipan seorang ahli Angkatan Muda Keadilan

- 6.2.1 Berpegang teguh kepada Dasar Perjuangan Angkatan Muda Keadilan dan memberikan komitmen kepada aktiviti-aktiviti Angkatan Muda Keadilan.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 6.2.2 Memberi sokongan terhadap keputusan-keputusan yang diambil oleh Parti dan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 6.2.3 Menyokong calon Parti atau mana-mana calon yang disokong oleh Parti dalam mana-mana pilihanraya.
- 6.3 Larangan terhadap ahli Angkatan Muda Keadilan:
 - 6.3.1 Menjadi ahli dalam Angkatan Muda Keadilan di lebih daripada satu Bahagian atau Negeri pada sesuatu masa.
 - 6.3.2 Memegang jawatan dalam Angkatan Muda Keadilan di lebih daripada satu Bahagian atau Negeri pada sesuatu masa; kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 6.3.3 Mengambil bahagian dalam Mesyuarat Agung Bahagian jika telah menggunakan hak yang sama di Bahagian lain pada tahun yang sama.
 - 6.3.4 Memegang sebarang jawatan lain dalam Angkatan Muda Keadilan di sesuatu peringkat setelah dilantik sebagai Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap atau Pemeriksa Kira-Kira di peringkat tersebut.

FASAL 7: AHLI BERHENTI

- 7.1 Seseorang ahli Angkatan Muda Keadilan boleh berhenti menjadi ahli Angkatan Muda Keadilan dengan menulis surat kepada Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia dan Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian di mana dia menjadi ahli.
- 7.2 Seseorang itu dianggap berhenti menjadi ahli Angkatan Muda Keadilan jika dia berhenti menjadi ahli Parti.

FASAL 8: JAWATANKUASA ANGKATAN MUDA KEADILAN PERINGKAT NASIONAL

- 8.1 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah terdiri daripada:
 - 8.1.1 Seorang (1) Ketua
 - 8.1.2 Seorang (1) Timbalan Ketua
 - 8.1.3 Tiga (3) orang Naib Ketua
 - 8.1.4 Seorang (1) Setiausaha
 - 8.1.5 Seorang (1) Bendahari



PERATURAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 8.1.6 Seorang (1) Ketua Penerangan
- 8.1.7 Dua (2) orang Penolong Setiausaha
- 8.1.8 Dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dipilih dalam Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 8.1.9 Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa yang dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 8.2 Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah sama seperti tempoh perkhidmatan MPT.
- 8.3 Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh mewujudkan Biro-biro dan Jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu dalam Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 8.4 Ketua, Timbalan Ketua, Naib-naib Ketua dan dua puluh (20) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia yang dipilih oleh Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh terus memegang jawatan dan mewakili Angkatan Muda Keadilan ke Kongres Nasional Parti walaupun telah berumur lebih empat puluh (40) tahun sehingga Kongres Angkatan Muda Keadilan Malaysia untuk menjalankan pemilihan baru diadakan.
- 8.5 Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah juga Naib Presiden Parti. Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh dipilih daripada kalangan mana-mana ahli parti tanpa ada syarat had umur. Seseorang itu tidak boleh memegang jawatan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia melebihi tiga (3) penggal.
- 8.6 Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Penolong Setiausaha adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia untuk tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 8.2 Peraturan Tetap ini atau sehingga mereka meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 8.7 Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia yang dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia memegang jawatan untuk tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 8.2 Peraturan Tetap ini atau sehingga mereka meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 8.8 Sekiranya dua pertiga (2/3) atau lebih Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berhenti maka Jawatankuasa tersebut bubar dengan sendirinya. MPT perlu mengadakan Kongres Nasional Khas Angkatan Muda Keadilan Malaysia bagi tujuan memilih Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia yang baru dalam tempoh tidak



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

lebih enam puluh (60) hari dari tarikh berhentinya Ahli Jawatankuasa yang melengkapkan jumlah dua pertiga (2/3) itu.

- 8.9 Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia atas sebab perletakan jawatan, masalah kesihatan, halangan perundangan, atau tidak dapat menjalankan tugas atas sebarang sebab, seorang pemangku hendaklah dilantik dalam mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia daripada kalangan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berdasarkan kekenanan jawatan. Pemangku Ketua tersebut akan memangku semua tugas, bidang kuasa dan tanggungjawab Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia sehingga pemilihan baru diadakan melalui Kongres Nasional atau sehingga Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia tersebut dapat menjalankan tugas semula.
- 8.10 Apabila berlaku kekosongan jawatan Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Penolong-penolong Setiausaha atau lima (5) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia yang dilantik, maka Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh melantik mana-mana ahli Angkatan Muda Keadilan untuk mengisi kekosongan tersebut.

FASAL 9: PEGAWAI ANGKATAN MUDA KEADILAN MALAYSIA

- 9.1 Pegawai-pegawai Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah terdiri daripada:
- 9.1.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.3 Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Malaysia
 - 9.1.7 Penolong-penolong Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia
- 9.2 Bidang kerja Pegawai Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 9.2.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.1.1 Menjadi pemimpin utama Angkatan Muda Keadilan dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanannya.
 - 9.2.1.2 Membantu tugas-tugas Presiden.
 - 9.2.1.3 Menjadi pengerusi di dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.1.4 Berkuasa memanggil mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 9.2.1.5 Menjadi Pengerusi Biro Politik Angkatan Muda Keadilan Malaysia dan mempengerusikan mesyuaratnya.
- 9.2.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.2.2 Mempengerusikan Jawatankuasa Pengurusan Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.2.3 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia apabila Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia tidak hadir.
- 9.2.3 Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.3.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.3.2 Salah seorang Naib Ketua hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia semasa ketiadaan Ketua dan Timbalan Ketua.
- 9.2.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.4.1 Bertanggungjawab terus kepada Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.4.2 Bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia dan Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan.
 - 9.2.4.3 Menjadi Ketua Utama Sakretariat Angkatan Muda Keadilan Malaysia termasuk berkuasa melantik dan memecat kakitangan.
 - 9.2.4.4 Menyimpan daftar keahlian Angkatan Muda Keadilan.
 - 9.2.4.5 Memantau dan menyelaras perjalanan Angkatan Muda Keadilan di Negeri-negeri dan Bahagian-bahagian.
 - 9.2.4.6 Menyediakan dan melaporkan Laporan Tahunan Angkatan Muda Keadilan kepada Kongres Tahunan Angkatan Muda Keadilan.
 - 9.2.4.7 Menyediakan dan menyimpan minit mesyuarat Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan dan Mesyuarat Exco Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 9.2.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Malaysia.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 9.2.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan urusan kewangan Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 9.2.5.2 Membentangkan laporan kewangan apabila diminta oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 9.2.5.3 Menyediakan Laporan Kewangan Tahunan Angkatan Muda Keadilan untuk dibentangkan dalam Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan.
- 9.2.5.4 Mengadakan usaha-usaha, dengan persetujuan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia, bagi mendapatkan dana untuk membiayai pentadbiran dan aktiviti Angkatan Muda Keadilan.
- 9.2.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.6.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kegiatan penerangan Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.6.2 Mengemukakan laporan kegiatan penerangan, apabila diminta, kepada Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.6.3 Melaksanakan program untuk meningkatkan kefahaman masyarakat, khususnya generasi muda, mengenai dasar dan perjuangan Parti dan aktiviti-aktiviti Angkatan Muda Keadilan.
 - 9.2.6.4 Memantau perkembangan media massa dan isu-isu semasa dan menasihatkan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia mengenai tindakan yang sewajarnya diambil berhubung media massa.
- 9.2.7 Penolong Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.7.1 Bertanggungjawab kepada Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 9.2.7.2 Membantu Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia.

FASAL 10: TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA ANGKATAN MUDA KEADILAN MALAYSIA

- 10.1 Merangka strategi dan pendekatan dalam usaha merealisasikan Dasar Perjuangan Angkatan Muda Keadilan sepertimana yang terkandung dalam Fasal 3 Peraturan ini.
- 10.2 Menyatukan tenaga ahli-ahli muda dengan mengadakan aktiviti-aktiviti pendidikan, politik, ekonomi, kemasyarakatan dan sebagainya sejajar dengan dasar dan Perlembagaan Parti.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 10.3 Menjadi perintis dan penggerak utama kepada Parti, berasaskan dasar atau arahan MPT.
- 10.4 Menerima sebarang aduan, daripada setiap peringkat Angkatan Muda Keadilan, mengenai sebarang masalah yang timbul dan mengambil tindakan-tindakan perlu untuk menyelesaikannya atau, jika perlu, mengemukakan kepada MPT untuk tindakan.

FASAL 11: MESYUARAT JAWATANKUASA ANGKATAN MUDA KEADILAN MALAYSIA

- 11.1 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 11.2 Jumlah korum Mesyuarat Angkatan Muda Keadilan Malaysia ialah sebanyak satu perdua (1/2) daripada jumlah keseluruhan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 11.3 Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia; atau jika beliau tidak hadir, Timbalan Ketua; atau jika kedua-duanya tidak hadir, salah seorang Naib Ketua. Jika kesemua mereka tidak hadir, maka salah seorang Ahli Jawatankuasa yang hadir hendaklah dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat.
- 11.4 Ahli MPT boleh menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia tetapi tidak boleh mengambil bahagian dalam proses pengundian.
- 11.5 Ketua-ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri hendaklah dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.

FASAL 12: KONGRES NASIONAL TAHUNAN ANGKATAN MUDA KEADILAN

- 12.1 Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan hendaklah diadakan setahun sekali atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia dengan syarat tidak melebihi tempoh 18 bulan daripada tarikh Kongres Nasional Tahunan sebelumnya. Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan hendaklah diadakan sebelum Kongres Nasional Tahunan Parti.
- 12.2 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia hendaklah mengeluarkan notis kepada setiap Angkatan Muda Keadilan Bahagian dalam tempoh tidak kurang empat belas (14) hari sebelum Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan hendak diadakan.
- 12.3 Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan adalah terdiri daripada:
 - 12.3.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan Malaysia.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 12.3.2 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam perkara 8.1 Peraturan Tetap ini.
- 12.3.3 Ketua, Timbalan Ketua, Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian dan empat (4) orang perwakilan – iaitu dua (2) wanita dan dua (2) lelaki, daripada setiap Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun tersebut.
- 12.3.4 Wakil gantian kepada Ketua, Timbalan Ketua atau Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia dengan syarat mendapat pengesahan bertulis daripada Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 12.3.5 Tiga (3) orang ahli MPT yang dilantik oleh MPT sebagai wakil.
- 12.4 Korum Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan adalah tidak kurang daripada satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahli yang layak hadir.
- 12.5 Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan. Jika kedua-dua mereka tidak hadir, maka Kongres perlu memilih salah seorang perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan Kongres pada kali itu sahaja.
- 12.6 Tugas-tugas Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan adalah untuk
 - 12.6.1 Menerima Minit Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan yang lalu.
 - 12.6.2 Menerima Penyata Tahunan dan Penyata Kira-kira Tahunan.
 - 12.6.3 Memilih seorang (1) Pengerusi Tetap dan seorang (1) Timbalan Pengerusi Tetap tiap-tiap tiga tahun sekali.
 - 12.6.4 Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia tiap-tiap tiga tahun sekali.
 - 12.6.5 Memilih dua (2) Pemeriksa Kira-kira tiap-tiap tiga tahun sekali.
 - 12.6.6 Membahas usul-usul dan cadangan daripada Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 12.6.7 Menentukan dasar Angkatan Muda Keadilan.
 - 12.6.8 Mengkaji dan menilai kerja-kerja Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 12.6.9 Perkara-perkara lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 12.7 Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda pada tahun pemilihan hendaklah memilih melalui undi sulit
- 12.7.1 Seorang (1) Pengerusi Tetap dan seorang (1) Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan.
 - 12.7.2 Seorang (1) Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 12.7.3 Seorang (1) Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 12.7.4 Tiga (3) orang Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 12.7.5 Dua puluh (20) orang Exco Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
 - 12.7.6 Dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira.
 - 12.7.7 Tiga puluh (30) orang perwakilan ke Kongres Nasional Parti bagi mewakili Angkatan Muda Keadilan.
- 12.8 Ahli Angkatan Muda Keadilan yang mahu bertanding jawatan Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ketua, Timbalan Ketua, Naib-naib Ketua, dua puluh (20) ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia dan dua (2) Pemeriksa Kira-kira mesti mendapat pencalonan daripada sekurang-kurangnya dua (2) Angkatan Muda Keadilan Bahagian melalui Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian tersebut.

FASAL 13: KONGRES NASIONAL KHAS ANGKATAN MUDA KEADILAN

- 13.1 Peraturan untuk menjalankan Kongres Nasional Khas Angkatan Muda Keadilan adalah sama seperti di dalam FASAL 12: Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan.
- 13.2 Perwakilan dan mereka yang layak hadir dalam Kongres Nasional Khas adalah mereka yang menjadi perwakilan dan layak hadir dalam Kongres Nasional Tahunan Angkatan Muda Keadilan yang terdahulu.
- 13.3 Kongres Nasional Khas Angkatan Muda Keadilan boleh dipanggil pada bila-bila masa
- 13.3.1 Dengan kehendak MPT; atau
 - 13.3.2 Dengan kehendak Ketua Angkatan Muda Keadilan; atau
 - 13.3.3 Dengan permintaan bertulis daripada satu perdua (1/2) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia; atau
 - 13.3.4 Dengan permintaan bertulis daripada satu perdua (1/2) daripada jumlah keseluruhan Angkatan Muda Keadilan Bahagian dengan syarat Angkatan Muda



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

Keadilan Bahagian terlibat telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian atas masalah yang sama.

- 13.4 Apabila berlaku mana-mana satu daripada perkara 13.3.1, 13.3.2, 13.3.3 atau 13.3.4 maka Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia hendaklah mengeluarkan notis dalam tempoh empat belas (14) hari kepada semua Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk memanggil Kongres Nasional Khas. Sekiranya Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Malaysia tidak berbuat demikian, maka pihak yang memohon Kongres Nasional Khas itu diadakan boleh mengeluarkan notis dengan syarat semua perwakilan dan mereka yang layak hadir dijemput. Notis hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tidak kurang empat belas (14) hari sebelum Kongres Nasional Khas itu hendak diadakan.

FASAL 14: ANKATAN MUDA KEADILAN NEGERI

- 14.1 Angkatan Muda Keadilan Negeri boleh ditubuhkan di setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan di dalam Malaysia.
- 14.2 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri hendaklah diwujudkan untuk mentadbir perjalanan Angkatan Muda Keadilan di negeri tersebut.
- 14.3 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah terdiri daripada:
- 14.3.1 Seorang (1) Ketua.
 - 14.3.2 Seorang (1) Timbalan Ketua
 - 14.3.3 Tiga (3) orang Naib Ketua
 - 14.3.4 Seorang (1) Setiausaha
 - 14.3.5 Seorang (1) Bendahari
 - 14.3.6 Seorang (1) Ketua Penerangan
 - 14.3.7 Ketua-ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian di dalam negeri tersebut.
 - 14.3.8 Tiga (3) orang yang dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.3.9 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian di mana Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian tersebut telah dilantik sebagai Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri.
- 14.4 Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia melalui perundingan dengan Ketua-ketua Angkatan Muda Keadilan



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

Bahagian dan Pengerusi Perhubungan Keadilan di sesebuah negeri terbabit. Sekiranya berlaku kekosongan jawatan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri, maka Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia berkuasa melantik pengganti.

- 14.5 Timbalan dan Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri terlibat.
- 14.6 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri.
- 14.7 Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri boleh mewujudkan, jika difikirkan perlu, jawatan-jawatan Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari dan Timbalan Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Negeri dan melantik pemegang jawatan tersebut.
- 14.8 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap dua (2) bulan sekali atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri atau jika terdapat permintaan daripada satu perdua (1/2) ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri tersebut.
- 14.9 Korum mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri ialah satu perdua (1/2) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa yang layak hadir.
- 14.10 Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri hendaklah dipengerusikan oleh Ketua atau Timbalan Ketua atau Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri. Jika kesemua mereka tidak hadir, maka salah seorang ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat.
- 14.11 Pegawai-pegawai Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.3 Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.11.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Negeri
- 14.12 Bidang kerja pegawai Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri



PERATUTAN TETAP ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT

- 14.12.1.1 Menjadi pemimpin utama Angkatan Muda Keadilan di peringkat negeri atau wilayah persekutuan dan bertanggungjawab memelihara kesempurnaan perjalanannya.
- 14.12.1.2 Membantu Pengerusi Perhubungan Negeri dan Badan Perhubungan Negeri.
- 14.12.1.3 Menjadi wakil Angkatan Muda Keadilan Negeri dalam Badan Perhubungan Negeri.
- 14.12.1.4 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri.
- 14.12.1.5 Menjadi Pengerusi Biro Politik Angkatan Muda Keadilan Negeri.
- 14.12.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.2.2 Memangku semua tugas dan peranan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri sekiranya beliau tidak dapat menjalankan tugas atas sebarang sebab.
 - 14.12.2.3 Menjadi Pengerusi Biro Pengurusan dan Biro Disiplin Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.2.4 Menjadi wakil Angkatan Muda Keadilan Negeri dalam Badan Perhubungan Negeri.
- 14.12.3 Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.3.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.3.2 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri apabila Ketua dan Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri tidak hadir.
- 14.12.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.4.2 Memanggil mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri atas arahan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat tersebut.
 - 14.12.4.3 Menyelaras dan memantau perjalanan Angkatan Muda Keadilan di Bahagian-bahagian dalam negeri masing-masing.



PERATURAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 14.12.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan urusan kewangan Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.5.2 Mengadakan usaha-usaha, dengan persetujuan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri, bagi mendapatkan dana untuk membiayai pentadbiran dan aktiviti Angkatan Muda Keadilan Negeri.
- 14.12.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Negeri
 - 14.12.6.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kegiatan penerangan Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.12.6.2 Melaksanakan program untuk meningkatkan kefahaman ahli Angkatan Muda Keadilan dan masyarakat mengenai perjuangan dan pendirian Parti dan Angkatan Muda Keadilan.
 - 14.12.6.3 Memantau perkembangan media massa dan isu-isu semasa dan menasihatkan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri mengenai tindakan yang sewajarnya diambil berhubung media massa.
- 14.13 Tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri.
 - 14.13.1 Bekerjasama dengan Perhubungan Negeri bagi memastikan kelancaran urusan Angkatan Muda Keadilan Bahagian di negeri tersebut.
 - 14.13.2 Menjadi penyelaras dan perantara Angkatan Muda Keadilan Malaysia dengan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 14.13.3 Mendokong usaha menjayakan Dasar Perjuangan Angkatan Muda Keadilan.
- 14.14 Jika berlaku kekosongan dalam Jawatan Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri, maka Ketua Angkatan Muda Keadilan Malaysia hendaklah melantik, seperti dalam perkara 14.4 Peraturan Tetap ini, Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri yang baru dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh berlaku kekosongan tersebut.
- 14.15 Apabila berlaku kekosongan dalam jawatan Timbalan Ketua dan Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri, Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri boleh membuat lantikan baru sama seperti kuasa yang diperuntukkan dalam perkara 14.5 Peraturan Tetap ini.
- 14.16 Apabila berlaku kekosongan dalam jawatan Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari, Timbalan Ketua Penerangan dan tiga (3) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri yang dilantik, maka Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri berkuasa membuat lantikan baru.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

14.17 Pejabat Angkatan Muda Keadilan Negeri adalah di bangunan yang sama dengan Pejabat Perhubungan Negeri atau di mana-mana lokasi lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri dengan persetujuan Perhubungan Negeri Parti.

FASAL 15: ANKATAN MUDA KEADILAN BAHAGIAN

15.1 Hanya satu (1) Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh ditubuhkan di sesebuah kawasan Parlimen yang sudah mempunyai Bahagian Parti berdaftar atau Jawatankuasa Penaja Bahagian.

15.2 Kewujudan dan perjalanan Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Parti dan Peraturan Tetap ini.

15.3 Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh diwujudkan apabila terdapat sekurang-kurangnya dua puluh lima (25) orang Ahli Parti yang layak menyertai Angkatan Muda hadir dalam mesyuarat penjaan. Ahli-ahli Parti yang hadir tersebut mestilah telah menjelaskan yuran pendaftaran dan yuran tahunan.

15.4 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah diwujudkan untuk mentadbir perjalanan Angkatan Muda Keadilan di Bahagian tersebut.

15.5 Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah terdiri daripada:

15.5.1 Seorang (1) Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.2 Seorang (1) Timbalan Ketua Angkatan Muda Bahagian.

15.5.3 Tiga (3) orang Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.4 Seorang (1) Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.5 Seorang (1) Bendahari Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.6 Seorang (1) Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.7 Lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.5.8 Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.6 Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah sama seperti tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Bahagian Parti.



PERATUTAN TETAP ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT

- 15.7 Ketua, Timbalan Ketua, Naib-naib Ketua dan lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh terus memegang jawatan dan mewakili Angkatan Muda Keadilan Bahagian ke Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan atau Mesyuarat Agung Bahagian Parti walaupun telah mencapai umur lebih empat puluh (40) tahun sehingga Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk menjalankan pemilihan baru diadakan.
- 15.8 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Bahagian melalui perundingan dengan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 15.6 Peraturan Tetap ini atau sehingga mereka meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.9 Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh, jika difikirkan perlu, mewujudkan jawatan-jawatan Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari dan Timbalan Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 15.6 Peraturan Tetap ini atau sehingga mereka meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.10 Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah dilantik oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam perkara 15.6 Peraturan Tetap ini atau sehingga mereka meletakkan jawatan atau dilucutkan jawatan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.11 Jika dua pertiga ($2/3$) atau lebih Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan sesebuah Bahagian berhenti, maka Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian tersebut terbubar dengan sendirinya. Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia mesti mengadakan Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian terlibat bagi melantik Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang baru dalam tempoh tidak lebih tiga puluh (30) hari daripada tarikh surat perletakan jawatan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang melengkapkan jumlah dua pertiga ($2/3$) itu.
- 15.12 Jika berlaku kekosongan dalam mana-mana jawatan Ketua, Timbalan Ketua dan Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian, maka ia hendaklah dipangku oleh Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian mengikut kekananan sehingga tamat tempoh perkhidmatan. Kekosongan jawatan lima belas (15) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah dibiarkan kosong sehingga Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas diadakan untuk memilih pengganti.
- 15.13 Apabila berlaku kekosongan jawatan Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Penolong Setiausaha, Penolong Bendahari, Timbalan Ketua Penerangan dan tiga (3) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Bahagian yang dilantik, Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh melantik mana-mana ahli Angkatan Muda Keadilan di Bahagian tersebut untuk mengisi kekosongan.
- 15.14 Pegawai-pegawai Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah terdiri daripada:



PERATURAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 15.14.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.14.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.14.3 Naib-naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.14.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.14.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.14.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian
- 15.15 Bidang kerja Pegawai Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.15.1 Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.1.1 Menjadi pemimpin utama kepada Angkatan Muda Keadilan Bahagian dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanannya.
 - 15.15.1.2 Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian Parti.
 - 15.15.1.3 Menjadi pengerusi dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.1.4 Berkuasa memanggil mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.1.5 Menjadi Pengerusi Biro Politik Angkatan Muda Keadilan Bahagian dan mempengerusikan mesyuaratnya.
 - 15.15.2 Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.2.2 Mempengerusikan Jawatankuasa Pengurusan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.2.3 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian apabila Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian tidak hadir.
 - 15.15.3 Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.3.1 Membantu tugas-tugas Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.3.2 Salah seorang Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Angkatan



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

Muda Keadilan Bahagian semasa ketiadaan Ketua dan Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

- 15.15.4 Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.4.1 Bertanggungjawab kepada Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.4.2 Bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian dan Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.4.3 Menyediakan dan membentangkan Laporan Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian kepada Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.4.4 Menyediakan dan menyimpan minit Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian dan minit mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.15.5 Bendahari Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan urusan kewangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.5.2 Membentangkan laporan kewangan apabila diminta oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.5.3 Menyediakan Laporan Kewangan Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.5.4 Mengadakan usaha-usaha, dengan persetujuan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian, bagi mendapatkan dana untuk membiayai pertadbiran dan aktiviti Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.15.6 Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian
 - 15.15.6.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kegiatan penerangan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.6.2 Mengemukakan laporan kegiatan penerangan, apabila diminta, kepada Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.15.6.3 Melaksanakan usaha-usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat dan ahli Angkatan Muda Keadilan Bahagian mengenai



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

dasar dan perjuangan Parti dan aktiviti-aktiviti Angkatan Muda Keadilan.

15.15.6.4 Memantau perkembangan media massa dan isu-isu semasa dan menasihatkan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian mengenai tindakan yang sewajarnya diambil berhubung media massa.

15.16 Tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.16.1 Bekerjasama dengan Jawatankuasa Bahagian Parti bagi memastikan kelancaran urusan Angkatan Muda Keadilan di Bahagian tersebut.

15.16.2 Menjadi penyelaras dan perantara Angkatan Muda Keadilan Malaysia dan Angkatan Muda Keadilan Negeri dengan ahli-ahli Angkatan Muda Keadilan.

15.16.3 Mendokong usaha menjayakan Dasar Perjuangan Angkatan Muda Keadilan.

15.17 Mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian

15.17.1 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.17.2 Korum mesyuarat Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian ialah sebanyak satu perdua (1/2) daripada jumlah keseluruhan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.

15.17.3 Mesyuarat Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian; atau jika beliau tidak hadir, Timbalan Ketua; atau jika kedua-duanya tidak hadir, salah seorang Naib Ketua. Jika kesemua mereka tidak hadir, maka salah seorang ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang hadir hendaklah dilantik mempengerusikan mesyuarat.

15.18 Pejabat Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah di bangunan yang sama dengan Pejabat Bahagian Parti atau mana-mana lokasi lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian dengan persetujuan Jawatankuasa Bahagian Parti.

15.19 Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian

15.19.1 Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah diadakan setahun sekali atau pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian dengan syarat tidak melebihi tempoh lapan belas (18) bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang sebelumnya. Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah diadakan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Bahagian Parti.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

- 15.19.2 Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah terdiri daripada
 - 15.19.2.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.2.2 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian seperti yang dinyatakan dalam perkara 15.5 Peraturan Tetap ini.
 - 15.19.2.3 Kesemua ahli-ahli Angkatan Muda Keadilan yang berdaftar dalam Bahagian tersebut dan telah menjelaskan yuran untuk tahun tersebut. Yuran hendaklah dijelaskan sebelum Mesyuarat Agung dimulakan.
 - 15.19.2.4 Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri yang dilantik oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Negeri sebagai wakil.
 - 15.19.2.5 Wakil-wakil Angkatan Muda Keadilan Malaysia yang dilantik oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 15.19.3 Korum Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah tidak kurang daripada satu pertiga (1/3) jumlah ahli yang layak hadir.
- 15.19.4 Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan Bahagian. Jika kedua-dua mereka tidak hadir, maka Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah memilih salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Angkatan Muda Keadilan Bahagian pada kali itu sahaja.
- 15.19.5 Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian pada tahun pemilihan hendaklah memilih
 - 15.19.5.1 Seorang (1) Pengerusi Tetap dan seorang (1) Timbalan Pengerusi Tetap Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.5.2 Seorang (1) Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.5.3 Seorang (1) Timbalan Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.5.4 Tiga (3) orang Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.5.5 Lima belas (15) orang Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
 - 15.19.5.6 Dua (2) orang Pemeriksa Kira-kira.



PERATUTAN TETAP ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT

- 15.19.5.7 Tujuh (7) orang wakil bagi mewakili Angkatan Muda Keadilan Bahagian ke Mesyuarat Agung Bahagian Parti daripada kalangan ahli yang hadir.
- 15.19.5.8 Empat orang (4) – iaitu dua (2) wanita dan dua (2) lelaki, bagi mewakili Angkatan Muda Keadilan Bahagian ke Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan daripada kalangan ahli yang hadir.
- 15.20 Ahli Angkatan Muda Keadilan yang mahu bertanding sebarang jawatan dalam Angkatan Muda Keadilan Bahagian atau untuk menjadi perwakilan ke Mesyuarat Agung Bahagian Parti atau menjadi perwakilan ke Kongres Nasional Angkatan Muda Keadilan mesti mendapat pencalonan daripada seorang (1) ahli dan sokongan daripada seorang (1) lagi ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian tersebut.
- 15.21 Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.21.1 Peraturan untuk menjalankan Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah sama seperti di dalam perkara 15.19 Peraturan tetap ini.
- 15.21.2 Mereka yang layak hadir dalam Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian adalah mereka yang layak hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan Angkatan Muda Keadilan Bahagian yang terdahulu.
- 15.21.3 Mesyuarat Agung Khas Angkatan Muda Keadilan Bahagian boleh dipanggil pada bila-bila masa
- 15.21.3.1 Dengan kehendak Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia.
- 15.21.3.2 Dengan permintaan bertulis satu perdua (1/2) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Bahagian; atau
- 15.21.3.3 Dengan permintaan bertulis satu perdua (1/2) daripada jumlah keseluruhan ahli Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 15.21.4 Apabila berlaku mana-mana satu daripada perkara 15.21.3.1, 15.21.3.2 atau 15.21.3.3 maka Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah mengeluarkan notis dalam tempoh empat belas (14) hari kepada semua ahli Angkatan Muda Keadilan Bahagian untuk memanggil Mesyuarat Agung Khas. Sekiranya Setiausaha Angkatan Muda Keadilan Bahagian gagal berbuat demikian, maka pihak yang memohon Mesyuarat Agung Khas itu diadakan boleh mengeluarkan notis dengan syarat semua mereka yang layak hadir dijemput. Notis hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tidak kurang empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Khas itu hendak diadakan.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

FASAL 16: KELAB PENYOKONG ANGKATAN MUDA KEADILAN

- 16.1 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh mengambil tindakan untuk menubuhkan Kelab Penyokong Angkatan Muda Keadilan di mana-mana tempat, samada di dalam atau di luar Malaysia, yang tidak dapat ditubuhkan Angkatan Muda Keadilan Bahagian.
- 16.2 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berkuasa mengadakan sebarang peraturan untuk mewujudkan dan menguruskan pentadbiran kelan-kelab penyokong tersebut.

FASAL 17: KEWANGAN DAN HARTA

- 17.1 Peraturan Kewangan dan Harta Benda yang ditetapkan oleh Perlembagaan Parti, MPT atau Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah terpakai sebagai Peraturan Kewangan Angkatan Muda Keadilan di semua peringkat.
- 17.2 Angkatan Muda Keadilan di setiap peringkat boleh mengadakan usaha-usaha untuk mendapatkan dana bagi membiayai pengurusan Angkatan Muda Keadilan selagimana ia tidak bertentangan dengan dasar dan peraturan Parti, kehendak agama dan undang-undang negara.
- 17.3 Sebarang harta tidak alih boleh didaftarkan atas nama Angkatan Muda Keadilan pada setiap peringkat; atau atas nama pemegang amanah yang dilantik oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan di peringkat terlibat.
- 17.4 Sebarang harta alih hendaklah didaftarkan atas nama pemegang amanah yang dilantik oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan di peringkat masing-masing.
- 17.5 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan pada mana-mana peringkat boleh membuka akaun dengan mana-mana institusi kewangan untuk menyimpan wang Angkatan Muda Keadilan pada peringkat tersebut. Urusan kewangan hendaklah dikendalikan oleh dua orang pegawai utama Angkatan Muda Keadilan di peringkat terlibat.

FASAL 18: TAFSIRAN

- 18.1 Jika berbangkit sebarang perselisihan terhadap tafsiran Peraturan Tetap ini, maka tafsiran yang diberikan oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia adalah muktamad.
- 18.2 Jika terdapat sebarang perkara yang berbangkit berkenaan Angkatan Muda Keadilan yang tidak dijelaskan oleh Peraturan Tetap ini, maka Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berkuasa membuat peraturan untuk menguruskan perkara tersebut. Peraturan yang dibuat oleh Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia itu terpakai sehingga pindaan dilakukan terhadap Peraturan Tetap ini bagi perkara yang sama.



PERATUTAN TETAP **ANGKATAN MUDA PARTI KEADILAN RAKYAT**

FASAL 19: PERATURAN KONGRES DAN MESYUARAT AGUNG

- 19.1 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berkuasa membuat peraturan mesyuarat untuk Kongres dan Mesyuarat Angkatan Muda Keadilan di semua peringkat.
- 19.2 Pekeliling rasmi daripada Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia berkenaan Kongres dan Mesyuarat hendaklah dibaca sebagai sebahagian daripada peraturan mesyuarat.

FASAL 20: PINDAAN

- 20.1 MPT berkuasa untuk meminda, memansuh atau menambah mana-mana perkara kepada Peraturan Tetap ini.
- 20.2 Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia boleh mengemukakan cadangan kepada MPT untuk meminda, memansuh atau menambah mana-mana perkara di dalam Peraturan Tetap ini dengan syarat mendapat sokongan dua pertiga (2/3) Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan.
- 20.3 Cadangan untuk meminda, memansuh atau menambah mana-mana perkara di dalam Peraturan Tetap ini daripada peringkat Angkatan Muda Keadilan Bahagian hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Malaysia untuk dipanjangkan kepada MPT.
- 20.4 Sebarang pindaan, pemansuhan atau penambahan dalam Peraturan Tetap ini berkuatkuasa sebaik sahaja diluluskan oleh MPT.